

NO.SOALAN : 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN**  
**[BATU SAPI]**

**TARIKH JAWAPAN : 14 MAC 2018 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI] minta MENTERI  
TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan kedudukan  
keuangan Sabah Electricity Sdn. Bhd.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Laporan kewangan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) berakhir 31 Disember 2017 menunjukkan SESB memperolehi keuntungan berjumlah RM44.6 juta. Walau bagaimanapun, keuntungan ini adalah termasuk subsidi daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM178 juta. Oleh yang demikian, SESB sebenarnya mengalami defisit aliran tunai sebanyak RM133.7 juta.
  
2. Antara faktor utama kedudukan kewangan SESB yang lemah adalah disebabkan oleh kadar tarif sedia ada yang tidak dapat menampung kos pembekalan sebenar yang perlu ditanggung oleh SESB. Selain itu, faktor-faktor lain yang turut menyebabkan aliran tunai SESB berada pada paras negatif untuk tahun 2017 adalah seperti berikut:
  - (i) penurunan unit jualan elektrik sebanyak 3% berbanding unjuran tahun 2017; dan

- (ii) kenaikan gaji pekerja yang agak tinggi sebanyak 23% pada tahun 2017 kerana kenaikan asal telah ditangguhkan sejak tahun 2015 bagi pekerja bukan eksekutif dan tahun 2016 bagi pekerja eksekutif.
  
- 3. Walaupun kedudukan kewangan SESB adalah lemah, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan pelbagai subsidi dan peruntukan untuk memastikan SESB dapat menyediakan perkhidmatan bekalan elektrik yang berdaya harap kepada pengguna. Sejak tahun 2001 hingga 2016, jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam bentuk subsidi dan peruntukan bagi membangunkan infrastruktur bekalan elektrik ialah sebanyak RM23.1 billion.

Sekian, terima kasih

